



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

PETRA SERAH ENAM (6) PROJEK SIAP KEPADA KERAJAAN NEGERI JOHOR

KLUANG, JOHOR, 12 Januari 2025 – Jelajah PETRA Skuad Zon Selatan (Johor) yang diketuai oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) Skuad meneruskan jelajahnya pada hari kedua ke Dewan FELDA Ulu Penggeli, Kluang, Johor bagi menyempurnakan Majlis Serahan Projek Siap kepada Kerajaan Johor, hari ini.

Sesi penyerahan yang diserahkan oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah tersebut kepada wakil Kerajaan Negeri Johor ini melibatkan enam (6) projek siap PETRA terdiri daripada lima (5) projek Jabatan Pengairan dan Saliran (Sumber Air) dan satu (1) projek Jabatan Bekalan Air (Bekalan Air) dengan jumlah peruntukan Persekutuan bernilai RM186.1 juta.

Lima (5) projek JPS tersebut adalah Projek Menaiktaraf Empangan Bekok, Johor (RM17.8 juta); Projek Menaiktaraf Infrastruktur Mekanikal dan Elektrikal untuk Kawalan Banjir Negeri Johor yang bernilai (RM2.7 juta); Projek Penambakan Pemecah Ombak Di Pengkalan Seri Menanti Laut, Muar (RM1.8 juta); Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Mesra Alam Sungai Suloh, Daerah Batu Pahat, Johor (Pakej 1) (RM3.6 juta); dan Projek Pembinaan *U-shape* Konkrit dari Sungai Batu Pahat ke Pekan

Semerah - Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Mesra Alam Peserai dan Kerja-kerja Berkaitan Daerah Batu Pahat, Johor (RM7.7 juta).

Manakala satu (1) projek JBA adalah melibatkan Projek Penyaluran Air Mentah Layang 2, Johor bernilai RM152.6 juta.

Kerajaan Persekutuan melalui PETRA sentiasa komited dalam pelaksanaan projek-projek diluluskan untuk negeri Johor menerusi penubuhan Jawatankuasa Khas *Task Force* Isu Bekalan Air dan Tebatan Banjir di Johor, bertujuan menyelaras isu-isu yang timbul semasa peringkat pra-pelaksanaan projek seperti pengambilan tanah, kebenaran merancang (KM) dan penguatkuasaan bagi memastikan pelaksanaan projek-projek bekalan air dan tebatan banjir dapat disegerakan pelaksanaannya di tapak.

Secara keseluruhan, di bawah *Rolling Plan* Kelima (RP-5) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), sejumlah 29 projek dengan kos keseluruhan RM5.64 bilion serta peruntukan tahun 2025 sebanyak RM224.8 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui PETRA bagi negeri Johor.

Sebelum sesi serahan projek, antara program lain yang turut berlangsung di lokasi majlis adalah Program Bersama Rakyat@PETRA Skwad melibatkan pembukaan kaunter perkhidmatan serta sesi *pocket talk* agensi-agensy Kementerian.

Selain itu, Ops Sedut Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) juga diadakan di Dewan FELDA Ulu Penggeli yang merupakan program libat

urus bersama komuniti bagi mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman kepada pemilik tangki septik supaya menjalankan tanggungjawab mengosongkan tangki untuk mengelakkan risiko pencemaran kepada sistem saliran awam. Di Daerah Kluang, terdapat kira-kira 67,009 pengguna tangki septik yang perlu menjalani proses nyahenapcemar secara berkala bagi memastikan tangki tidak penuh dan sistem saliran awam terjaga.

Dalam pada itu, rombongan PETRA Skuad sebelumnya juga telah singgah ke dua lokasi iaitu Loji Rawatan Kumbahan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) di Jalan Hijau, Taman Pelangi dan Kampung Sepakat Baru, Skudai.

Tinjauan ke Loji Rawatan Kumbahan (LRK) Indah Water Konsortium (IWK) bertujuan untuk melihat usaha pemulihan sistem pembetungan di Johor Bahru dan Pasir Gudang di mana LRK Taman Pelangi bakal dinaik taraf untuk menjadikannya lebih efisien dan mesra alam, antaranya langkah segera IWK menerusi pemasangan *metal clad* juga bakal diambil untuk mengurangkan bau dan keselesaan penduduk.

Semasa tinjauan di Kampung Sepakat Baru, Skudai pula, rombongan PETRA Skuad telah meninjau keadaan banjir dan pengoperasian siren amaran banjir JPS di kawasan kampung tersebut.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

12 JANUARI 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

